

# **PRINSIP KESEMPURNAAN BERBAHASA DALAM KARYA AGUNG *TAJ US-SALATIN***

**MOHD RASHID HJ. MD IDRIS, NORUL HAIDA HJ. REDUZAN,  
HIDAYATUL AJMAL THOLIBON & NURULAIN MOHAMAD ZIN**

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

## **Abstrak**

Makalah ini bertujuan untuk meneliti amalan prinsip kesempurnaan berbahasa dalam karya agung *Taj us-Salatin*. Prinsip kesempurnaan bahasa melihat kepada tujuan berbahasa yang melengkapinya Teori Falsafah Bahasa (2012). Melalui teori ini dihuraikan bagaimana bahasa itu berperanan secara langsung dalam mempengaruhi pemikiran dan cara hidup individu dan masyarakat penuturnya. Penelitian terhadap teks ini menggunakan kaedah kualitatif dengan huraian deskriptif untuk menerangkan sesuatu perkara. Karya agung yang menggunakan bahasa lisan dan tulisan sebagai medium utama dalam penghantaran mesej tidak lari daripada menepati prinsip-prinsip asas dalam teori ini. Tokoh karya agung ini membawa pemikiran dan idea yang tersendiri melalui karya beliau sehingga karya beliau layak diangkat sebagai karya yang unggul. Karya agung Melayu menjadi lambang keunggulan daya cipta seniman, penulis dan pemikir bangsa Melayu dahulu kala dalam menggambarkan nilai, pandangan hidup, budi dan idealisme masyarakat pada ketika itu yang merangkumi mutu, nilai ketamadunan, nilai kemanusiaan dan sebagainya. Pengkarya terkenal seperti Bukhari al-Jauhari melalui penulisannya dalam *Taj us-Salatin* memenuhi prinsip-prinsip kesempurnaan berbahasa iaitu pertamanya, berbahasa mengikut nahu semasa ketika itu. Kedua, berbahasa untuk menyampaikan maklumat yang benar dan tidak boleh diragui kesahihannya. Prinsip terakhir ialah berbahasa untuk tujuan ibadat dan mentauhidkan Allah S.W.T. Hal ini demikian memberikan gambaran bahawa penulis mempunyai hubungan berkadar langsung dengan pembaca.

Kata kunci: berbahasa, prinsip, kesempurnaan, karya agung, *Taj us-Salatin*

## **PENGENALAN**

*Taj us-Salatin* yang bermaksud Mahkota Raja-Raja merupakan tulisan Bukhari al-Jauhari yang telah ditulis pada tahun 1603M. Hasil tulisan ini akan dipersembahkan kepada Sultan Alauddin Riayat Shah yang juga ketika itu digelar sebagai Sayyid al-Mukammil pada tahun 1590-1604M. Tulisan ini merupakan sumbangan pemikiran seorang cendekiawan untuk membantu sultan dalam mentadbir pemerintahan dengan baik. Sebagai seorang pemerintah, tidak salah menerima pendapat dan cadangan daripada orang awam untuk menjadikan negara yang ditadbir sentiasa dalam keadaan baik dan aman damai.

Kitab ini mengandungi 24 fasal yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan manusia yang ditujukan kepada raja-raja. Kitab ini telah digolongkan sebagai genre cermin didaktik yang berunsurkan kebenaran dan bukan rekaan semata-mata. Isi kitab *Taj us-Salatin* ini dapat dibahagikan kepada lima perkara penting, iaitu merangkumi hal agama, pemerintahan raja, tanggungjawab pembesar, hubungan rakyat dengan pembesar, hubungan rakyat dengan raja dan soal pendidikan. Kitab ini sangat berguna kerana mementingkan sesuatu tatacara, ciri-ciri kepimpinan, penerangan, panduan, nasihat, dan pengalaman-pengalaman yang berguna bagi melahirkan pemimpin yang berkualiti berlandaskan syariat Islam.

Kehadiran kitab ini membawa satu penganjuran konsep pentadbiran dengan berteraskan kehendak dalam Islam. Keadilan mesti ditegakkan supaya kezaliman tidak berada dalam sesuatu pentadbiran supaya masyarakat dapat menikmati faedah bersama tanpa berlaku perbalahan. Kitab ini juga berteraskan konsep moral, akhlak, dan etika untuk menjustifikasikan konsep keadilan dalam pentadbiran supaya keadilan sentiasa diutamakan. Walau bagaimanapun, untuk menegakkan keadilan dalam sesebuah pentadbiran, kebijaksanaan dan kematangan menggunakan akal sangat penting supaya mampu menilai dan berfikir sesuatu perkara yang berlaku.

## **PRINSIP KESEMPURNAAN BERBAHASA**

Prinsip kesempurnaan berbahasa ini mempunyai hubungan secara langsung dengan Teori Falsafah Bahasa. Teori ini telah dicipta dan diperkemas oleh Mohd Rashid (2007) dengan mengetengahkan satu bentuk rajah berserta huraian untuk menjelaskan lagi teori ini. Teori Falsafah Bahasa dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bulatan, anak panah dua hala, dan garisan putus-putus. Setiap bahagian tersebut mempunyai huraian dan maksud yang tersendiri.



Menurut Mohd Rashid dalam bukunya *Teori Falsafah Bahasa* (2012), bulatan merupakan bentuk yang memerlukan manusia berbahasa secara sempurna dari segi nahu, makna, dan tujuannya. Segala ujaran yang disampaikan mestilah difahami dan disenangi oleh pendengar bagi menjadikan komunikasi yang berkesan dan selaras tuntutan syarak. Bagi anak panah dua hala pula memberi gambaran bahawa wujudnya hubungan langsung, iaitu secara tersurat antara penutur dan pendengar, iaitu hubungan sesama manusia. Penutur dan pendengar saling memberi maklum balas dan maklumat supaya kegiatan berbahasa itu aktif dan memenuhi keperluan bersama. Akhir sekali ialah garisan putus-putus yang membawa maksud terdapat hubungan langsung, iaitu secara tersirat antara manusia dengan Allah S.W.T selaku pencipta. Dalam hubungan langsung ini, banyak perkara yang Allah anugerahkan dan anugerah terbesar ialah kejadian diri manusia. Anugerah ini membolehkan manusia dapat mengecapi kenikmatan dunia, anugerah akal untuk berfikir, dan anugerah berbahasa untuk berkomunikasi dengan orang lain.

Sehubungan dengan itu, prinsip kesempurnaan berbahasa ini dapat dilaksanakan dengan mengambil kira tiga perkara prinsip asas, iaitu pertama, berbahasa mengikut nahu agar maksud yang hendak disampaikan itu mencapai objektifnya. Bahasa merupakan satu sistem dan sistem itulah menjadikan bahasa itu lengkap dan sempurna dari segi peraturan dan polanya. Bahasa terdiri daripada sistem bunyi, sistem makna dan sistem tatabahasa. Kedua ialah berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang benar atau betul. Dalam Islam sangat mementingkan amalan bercakap benar bagi mewujudkan suasana yang harmoni. Maklumat yang diperolehi juga mestilah daripada sumber-sumber yang sahih dan boleh dipercayai supaya tidak bercanggah dengan fakta yang sebenarnya. Dalam Islam, kita wajib untuk bercakap benar atau memberi maklumat yang betul bagi mengelakkan perkara buruk berlaku dan fitnah kepada orang lain. Ketiga ialah berbahasa untuk tujuan ibadah atau mentauhidkan Allah. Komunikasi juga dianggap sebagai salah satu cara untuk beribadah dengan menyampaikan kebaikan kepada orang lain. Anugerah akal sangat penting digunakan dalam mentauhidkan Allah supaya tidak mudah terpesong.

Oleh itu, kitab *Taj us-Salatin* ini akan mengupas dan mengaitkan isinya dengan prinsip kesempurnaan berbahasa. Dengan ini, kita dapat menilai dan mengkaji bahawa prinsip ini sangat berguna dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan sahih seperti yang sangat dituntut dalam Islam.

## **BERBAHASA MENGIKUT NAHU**

Nahu yang digunakan dalam kitab *Taj Us-Salatin* ialah mengikut dan menggunakan bahasa klasik dan bahasa Arab. Hal ini demikian kerana, zaman dahulu berkomunikasi menggunakan bahasa klasik dan bahasa Arab dan secara tidak langsung mempengaruhi gaya penulisan. Mereka lebih memahami bahasa yang disampaikan jika dibandingkan dengan masyarakat pada zaman sekarang yang selesa menggunakan bahasa yang mudah untuk berkomunikasi.

Selain itu, penulisan ini banyak menggunakan kata pangkal ayat seperti adapun, maka, bermula, syahadan, arakian, dan sebagainya. Kata pangkal ayat ialah kata yang hadir pada bahagian awal ayat. Fungsi bagi kata pangkal ayat ialah untuk menyambung ayat dalam suatu wacana. Sebagai contoh dalam buku *Taj Us-Salatin* ini ialah seperti di bawah dalam Fasal keenam:

*Bermula kehendak adil itu kebetulan juga dalam segala perkataan dan segala perbuatan dan kehendak daripada ihsan itu kebajikan juga dalam keduanya itu. ... Adapun akan harga pahala suatu haji itu erti sekalian dunia harganya."*

*(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 64-65)*

Berdasarkan ayat tersebut, perkataan yang digunakan ialah bermula dan adapun yang menjadi penghubung wacana atau di pangkal ayat.

Dalam fasal ke-13 dalam karya *Taj us-Salatin* ini menepati aspek nahu yang patut ditepati dalam prinsip kesempurnaan berbahasa. Fasal ke-13 ini menceritakan tentang peri segala pegawai raja iaitu gologan atasan dalam sesebuah piramid pemerintahan. Nahu yang digunakan iaitu merujuk kepada bahasa yang digunakan dalam konteks ayat-ayat yang bersistem. Nahu atau bahasa yang digunakan difahami oleh masyarakat kerana masyarakat pada ketika itu berbangsa Melayu dan Islam. Bahasa yang digunakan keseluruhannya bahasa Melayu Klasik dan bahasa Arab. Terdapat firman dari Allah dan sabda-sabda dari para Nabi yang dikeluarkan beserta pengertian. Dalam fasal ini menceritakan hubungan golongan bawahan dan golongan atasan.

## **BERBAHASA UNTUK MENYAMPAIKAN MAKLUMAT YANG BENAR**

Fasal-fasal yang terdapat dalam *Taj Us-Salatin* ini menghuraikan sesuatu perkara atau maklumat dengan bukti-bukti yang sangat kukuh, iaitu berlandaskan ayat-ayat Al-Quran. Seperti yang sedia maklum, Al-Quran merupakan pegangan atau panduan bagi



hamba-hamba Allah dalam menghadapi kehidupan ini. Setiap perkara yang dilakukan mestilah mengikut syariat atau kehendak yang telah ditetapkan dalam Islam dan tidak boleh berlaku pertentangan. Setiap pandangan atau perkara yang ditulis mesti dikaitkan dengan ayat-ayat Al-Quran supaya segala perkara yang ingin disampaikan mempunyai kebenaran yang nyata dan benar tanpa berlaku penyelewengan akidah. Buku ini sangat bersesuaian untuk dijadikan rujukan dalam mentadbir sesuatu pengurusan supaya lebih baik dan mengikut syariat Islam.

Antara fasal yang boleh diketengahkan untuk peringatan kepada manusia ialah fasal keempat yang membicarakan kesudahan kehidupan manusia dan saat terakhir menjelang maut. Fasal ini membuktikan dengan firman Allah bagi menjelaskan setiap kehidupan pasti akan mati apabila sampai waktunya. Setiap makhluk kejadian Allah akan kembali semula kepada-Nya. Berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

*“Sekalian yang bernyawa itu merasai maut juga akhirnya dan sekalian yang ada dalam dunia ini fanalah kesudahannya.” (Al-Imran:185)*

*(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 39)*

Segala kejadian Allah terutama manusia telah tertulis perjalanannya yang bermula dari satu benih air mani sehingga mati, iaitu maut, rezeki, jodoh, umur, dan sebagainya. Sebagai manusia, kita tidak mampu untuk mengetahui atau meneka rahsia Allah kerana akal bagi manusia sangat terbatas dan tidak boleh menandingi zat Allah. Setiap manusia yang dilahirkan pasti akan menemui ajal tetapi kita tidak mampu menjangka bilangan tahun hidup di dunia Allah yang juga bersifat sementara. Allah sahaja yang bersifat baqa seperti maksud firman Allah di bawah:

*“Barang siapa yang di atas bumi itu lenyap jua. Hanya yang tinggal itu hadrat Tuhanmu yang empunya kebesaran dan kemuliaan.” (Ar-Rahman:26-27)*

*(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 39)*

Selain itu, fasal ini menjelaskan dua golongan manusia, iaitu golongan manusia yang leka dengan dunia dan golongan manusia yang berbudi mengejar akhirat. Golongan pertama terlalu taksab dengan dunia sehingga mengabaikan akhirat. Mereka merasakan dunia ini kekal dan ingin hidup selamanya tanpa mengingati akhirat berbanding dengan golongan yang kedua, iaitu seimbang dan sentiasa melakukan perkara untuk kebaikan di akhirat kelak. Golongan yang kedua merupakan golongan yang untung dan bahagia

kerana sentiasa mengingati bahawa dunia ini hanya sementara dan pasti akan menemui pengakhiran hidup, iaitu mati. Mereka juga sentiasa mencintai akhirat dan pasti akan selamat apabila nyawa telah bercerai dari tubuh. Dengan ini, manusia akan sentiasa ingat dan yakin setiap ilmu atau pengetahuan dari Allah adalah benar dan pasti berlaku.

Fasal kesembilan juga menekankan perkara yang perlu diambil berat oleh setiap manusia khususnya sebagai seorang pemimpin supaya setiap perbuatan yang dilakukan sentiasa mendapat keredhaan Allah. Fasal ini menyatakan kezaliman dan penindasan sekiranya melakukannya akan dimurkai Allah dan tidak mendapat syafaat Nabi Muhammad S.A.W. Perbuatan menganiaya merupakan perbuatan yang tidak baik dan Allah sangat mengutuk perbuatan tersebut seperti dalam maksud firman Allah di bawah:

*“Sehari yang tiada memberi guna dalamnya bagi segala orang yang aniaya itu azab mereka itu kerana bagi mereka itu adalah kutuk dan bagi mereka itu adalah tempat kediaman yang amat jahat.” (Al-Mukmin - 52)*

*(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 102)*

Allah memberi peringatan kepada manusia supaya menghindari daripada memiliki sifat terkutuk ini supaya sentiasa di bawah redha-Nya dan tidak melakukan dosa. Perbuatan menganiaya dan menzalimi ini tidak memberi sebarang faedah terhadap diri sendiri di akhirat kelak malah memberi azab kerana Allah akan melaknat di akhirat nanti. Allah juga menjanjikan balasan kepada mereka yang melakukan perbuatan terkutuk ini seperti dalam huraian maksud hadis di bawah:

*“Di bawah segala malaikat itu pada hari qiamat akan raja yang zalim itu sedang tiada sertanya yang menolong dia. Maka dijatuhkan ia dalam telaga neraka dan di dalam telaga itu dengan bagai-bagai seksa serta terikat dengan rantai tubuhnya itu.”*

*(Taj us-Salatin Edisi Pelajar, hlm. 102-103)*

Jelaslah menunjukkan bahawa Allah tidak suka kepada pemimpin yang memimpin menggunakan kuasa yang ada untuk melakukan penganiayaan dan kezaliman terutama kepada orang awam atau rakyat. Walaupun, seorang raja mempunyai kuasa tidak wajar menggunakan kuasa dengan sesuka hati dan menyeksa orang lain untuk kepentingan diri sendiri. Allah juga memberi keistimewaan bagi orang teraniaya ini apabila memakbulkan semua doa yang dipohon kepada Allah. Allah tidak memungkirkan setiap janji-janji-Nya dan pasti akan memakbulkan setiap perkara yang dijanjikan.



Setiap perkara yang disampaikan adalah benar dan wajib mempercayai setiap kata yang tertulis di dalam Al-Quran dan hadis. Oleh itu, sangat penting menyampaikan sesuatu ilmu dengan betul atau benar bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat dan memberi kefahaman kepada masyarakat supaya terus melakukan perbuatan yang disuruh oleh Allah.

Bagi memenuhi prinsip ke-2 dalam kesempurnaan berbahasa, karya *Taj us-Salatin* ini hakikatnya menyampaikan maklumat yang benar dan tidak menyimpang dari landasan yang sepatutnya kerana keseluruhan karya ini banyak melihat kepada kitab-kitab agama sebagai rujukan. Sebagai contoh, Fasal ke-17 juga memperlihatkan syarat-syarat sesebuah kerajaan itu dalam usaha membentuk sesebuah negara yang memenuhi prinsip beragama. Syarat ini hakikatnya perlu dipenuhi oleh pemerintah supaya pemerintahan mereka tidak tersasar dari garis panduan yang betul.

Fasal ke-18 menyatakan perihal qiafah dan firasat. Kitab *Makrifat al-Nas* yang dirujuk penulis membawa perihal manusia yang mempunyai empat ilmu iaitu nubuwwah, walayah, ilmu hikmat dan ilmu qiafah serta firasat. Contoh yang terdapat dalam teks seperti:

*Adapun seperkara kenal itu dengan ilmu nubuwwah itu perinya demikian bahawa ayat akan seorang nabi peri segala manusia itu dengan wahi dan dengan ilham yang turun daripada hak Subahanahuwa Ta'ala kerana tuhan menganugerahkan ilmu dan hikmat itu akan seorang nabi itu dengan syariat dan kalam dan ayat dan alamat. Maka daripada sesuatu perkara itu maklumlah akan segala nabi itu keadaan sesorang manusia itu dengan segala perinya yang ada pada dirinya seperti segala nabi yang terdahulu daripada nabi kami mengenal nabi kami dan mengetahui kemuliaannya dan kebesarannya nabi kami dan dirindukan pangkat segala umat nabi kerana nabi kami memberi khabar daripada sesetengah nabi itu.*

*(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 172)*

Hal ini demikian memberikan maklumat bagaimana sesuatu ilmu itu diperoleh oleh para nabi dan cerita nabi-nabi terdahulu disampaikan secara turun-temurun. Turut mengisahkan bagaimana yang berlaku pada zaman nabi terdahulu seperti Nabi Allah Isa, Musa, Sulaiman, Yusuf, Mariam dan anaknya Isa serta kitab-kitab lain selain Al-Quran. Hal ini jelas menggambarkan bahawa maklumat yang disampaikan melalui karya Bukhari al-Jauhari ini suatu maklumat yang benar dan divedok dari kisah nabi-nabi terdahulu yang tidak boleh diragui kebenarannya sama sekali.

Fasal ke-20 dan ke-21 menyentuh soal tanggungjawab raja dan juga kisah pemimpin selepas zaman nabi Muhammad iaitu Saidina Umar, Usman dan Ali. Contohnya diceritakan pada zaman kerajaan amirulmukminin iaitu Umar Radhiallahuanhu yang mengalahkan negeri-negeri kafir dan menyeru mereka untuk masuk Islam. Fasal ini memberikan 20 syarat bagaimana pentadbiran yang harus dijalankan sekiranya berada dalam lingkungan masyarakat yang kafir. Diceritakan dalam kitab ini bagaimana kewajipan pemerintah Islam untuk menyuruh rakyat di bawahnya menganut agama Islam kerana perbuatan maksiat tidak seharusnya berlaku sekiranya pemerintah atau rajanya beragama Islam. Tambahnya lagi, sekiranya terdapat rakyat yang ingin menganut agama Islam seharusnya tidak dilarang bahkan diberi galakkan. Syarat yang terakhir menyentuh soal raja dan rakyat Islam yang sewajibnya menjaga kata dan pekerjaan yang dilakukan agar menepati kehendak agama Islam yang suci.

Dalam Fasal ke-22 penulis menyentuh kitab *Siar al-Muluk* di mana Sultan Bahrom memberikan pesanan kepada anaknya tatkala mahu mangkat iaitu:

*"Hai anakku, jika hendak engkau dimuliakan oleh segala manusia hendaklah engkau menghinakan hartamu kerana peri inilah pohon kerajaan itu. Hai anakku, jika engkau memberikan dirham akan seseorang manusia hendaklah diberikan padanya harta itu yang sehingga hidup ia tiada mencari harta lagi."*

*(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 199)*

Hal ini demikian menjelaskan kisah benar yang disentuh oleh penulis dan berlaku pada zaman tersebut. Pesanan ini juga perlu diikuti oleh para pemerintah dan masyarakat secara umumnya. Kisah tersebut bukan sekadar rekaan dan hal ini sekali gus memenuhi prinsip kesempurnaan berbahasa dalam karya *Taj us-Salatin* ini. Turut terdapat dalam karya ini kisah zaman Nabi Muhammad dan zaman pemerintahan sultan benua Rom, Sham, dan Yaman.

## **BERBAHASA UNTUK TUJUAN IBADAT DAN MENTAUHIDKAN ALLAH S.W.T**

Pelbagai bahasa yang digunakan dalam proses berkomunikasi ini bukan tanpa tujuan diciptakan tetapi mempunyai banyak manfaat. Antaranya ialah berbahasa ini bertujuan untuk beribadah dan mentauhidkan Allah. Segala perkataan atau bahasa yang digunakan seseorang dalam menyebarkan sesuatu ilmu kepada orang lain mesti bertujuan untuk mengajak atau menyeru kebaikan khususnya perkara yang mendekatkan diri kepada Allah. Segala perkara yang dilakukan, kita mestilah kembali kepada fitrah kita sebagai



hamba Allah di muka bumi ini untuk mentauhidkan Allah dengan sentiasa mematuhi perkara yang disuruh dan dilarang.

Fasal pertama sangat sesuai untuk dihuraikan sebagai ibadah dan mentauhidkan Allah apabila berbahasa. Dalam fasal pertama menyatakan mengenai manusia mengenal dirinya sendiri, bagaimana asal-usulnya bagaimana terjadinya manusia. Fasal ini dimulakan dengan hadis Nabi yang bermaksud barang siapa yang mengenal dirinya maka sesungguhnya ia mengenal Tuhannya. Hadis ini menjelaskan bahawa jika manusia mengenal dirinya terlebih dahulu, maka pasti dapat mengenal Tuhan pada kemudiannya kerana jika manusia tidak mengenal dirinya, maka tidaklah dapat mengenal maut dan mengingat akan akhirat.

Allah meminta kita berfikir tentang kejadian manusia yang tidak diketahui oleh orang lain dan di luar kemampuan manusia juga untuk menciptakannya. Kejadian manusia yang bermula daripada setitik air mani, kemudian menjadi darah selama empat puluh hari di dalam rahim perempuan. Kemudian, darah itu menjadi daging sehingga empat puluh hari lagi dan tulang serta aurat dengan rupa manusia dengan selengkap-lengkapnyanya terhasil lelaki dan perempuan. Seterusnya, ditentukan rezeki, umur, kebaikan, dan keburukannya serta memberi nyawa untuk dipelihara di dalam rahim ibunya sehingga sembilan bulan dan sembilan hari. Hal ini demikian membuktikan bahawa kuasa Allah sangat luar biasa dan tiada siapa dapat menandinginya.

Tujuan utama Allah menceritakan penciptaan manusia kepada hamba-Nya supaya manusia dapat berfikir kejadian manusia untuk mengabadikan diri kepada Allah dan mengesakan-Nya. Apabila seseorang mengenal hakikat kejadian dirinya dan tujuan Allah mencipta manusia, manusia mampu untuk mengenal tujuan hidup yang sebenar di dunia. Jika kita memahami bahawa kita hidup di dunia ini untuk mentauhidkan Allah, kita akan berusaha untuk menjadi hamba yang soleh atau solehah supaya tidak mendapat kemurkaan Allah. Manusia akan sentiasa membuat kebaikan dan bermakna. Kemurkaan Allah terhadap diri sendiri akan mendapat balasan yang dahsyat jika kita tidak mengikut segala perintah-Nya. Walau bagaimanapun, bahasa yang disampaikan mestilah betul dan tepat supaya tidak berlaku ajaran sesat dan manusia akan sentiasa membaiki imannya untuk mencapai reda Allah sehingga berakhirnya hidup di dunia ini.

Fasal seterusnya ialah fasal ketujuh yang dapat memberi contoh kepada manusia atau rakyat supaya terus menjadi orang yang baik dan berguna. Fasal ini menyatakan budi pekerti raja yang adil dan bergaul dengan orang yang beriman serta menjauhkan diri dari sebaliknya. Seorang raja yang baik ialah orang yang selalu menggunakan akal dengan baik dalam setiap pekerjaan yang dilakukan khususnya dalam menjalankan

tanggungjawab menjadi seorang pemerintah atau dalam pemerintahannya. Seorang raja yang adil akan mendapat kebahagiaan sekiranya dia memiliki kebijaksanaan dan menjalankan tindakan berdasarkan kebijaksanaan yang praktikal. Pemimpin yang adil sangat diperlukan dalam semua jenis pentadbiran supaya tidak berlakunya perbuatan tidak baik terhadap orang bawahan seperti penganiayaan, kezaliman, dan tidak berat sebelah.

Justeru, seorang raja yang baik, berakhlak mulia, adil, budi pekerti dan perwatakan yang berhemah tinggi dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada makhluk yang lain selain dapat meningkatkan taraf diri kerohaniannya juga. Akhlak yang terpuji dalam diri bukan bertujuan untuk menunjuk-nunjuk dan mendapat pengiktirafan daripada manusia semata-mata tetapi bertujuan untuk mendapatkan keredaan Allah. Secara tidak langsung, rakyat atau orang lain sentiasa menghormati raja atau pemimpin dan tidak berlaku huru-hara dalam sesebuah negara. Keadilan sangat penting dalam mentadbir sesebuah negara supaya dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan tidak mementingkan diri sendiri dengan mengabaikan kebajikan orang lain. Akhlak bagi seorang raja yang memimpin sesebuah negara dapat dikaitkan berdasarkan maksud firman Allah, iaitu sesungguhnya Allah Ta'ala memerintahkan berbuat adil dan ihsan. Sikap adil ada dalam perbuatan, perkataan, dan niat sebenar tetapi ihsan mempunyai makna kebajikan dan kearifan dalam perbuatan, perkataan, dan pekerjaan. Oleh itu, setiap pemimpin mestilah mempunyai sifat yang adil dalam setiap sesuatu organisasi yang dipimpin bagi menjaga mewujudkan suasana yang aman damai.

Dalam fasal ke-13 karya ini sememangnya menepati prinsip kesempurnaan berbahasa yang ke-3 kerana adanya firman-firman dari Allah untuk disampaikan kepada para pembaca terutama yang berkaitan dengan kuasa pemerintah dan kewajipan untuk mentaatinya. Dikisahkan juga bahawa kuasa para pemerintah itu semua adalah hak Allah dan Allah mampu menariknya kembali atas izin-Nya. Hal ini demikian terbukti seperti yang terdapat dalam teks berikut:

*Syarat yang pertama hendaklah segala pegawai raja itu dahulu memelihara hak Subhanahu wa Ta'ala dan mengetahui dengan nyata bahawa yang raja itu hamba Allah jua ia dan segala kebesaran dan kemuliaan kerajaan itu Allah Ta'ala jua memberikan dia dan dapat mengambil daripadanya dan dapat memberikan kerajaan itu akan barang siapa yang dikehendaki-Nya dan tiada sukar pada-Nya adalah seperti sabda-Nya yang Maha Tinggi yang bererti:*



*"Bahawasanya ia juga yang atas barang yang dikehendaki-Nya itu amat luas."*

*(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 137)*

Hal ini demikian jelas menggambarkan bahawa penulis tidak akan lari daripada mengeluarkan apa yang tertulis dalam kitab al-Quran yang sememangnya tepat dan tidak boleh diragui. Penulisan ini menepati prinsip ke-3 dalam kesempurnaan berbahasa dan boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca disamping suatu usaha untuk mentauhidkan Allah ta'ala. Sekiranya masyarakat umum dan pemerintah sentiasa berasa rendah diri dan tidak bermegah dengan jawatan dan pangkat yang ada kerana memikirkan semuanya adalah pinjaman daripada Allah maka hal ini termasuk dalam suatu ibadat yang mempunyai ganjarannya di sisi Allah. Kerja yang dilakukan semata-mata kerana Allah dan bukan untuk diperlihatkan oleh mata manusia. Masyarakat yang menurut perintah juga berasa bersyukur dengan pemerintahan yang ada. Hal ini juga disentuh dalam fasal ke-20 karya ini iaitu Allah berfirman yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah tidak suka orang yang takabur."*

*(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 184)*

Dan terdapat hadis Nabi di mana menyentuh tentang perihal merendah diri seperti hadis yang bermaksud:

*Bahawa sesungguhnya Allah ta'ala menitahkan kepadaku beritahu akan segala umatku itu merendahkan dirinya dan jangan membesarkan dirinya.*

*(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 184)*

Hal ini demikian menggambarkan bahawa penulis sentiasa merujuk kepada hadis dan firman Allah taala dalam usaha memupuk masyarakat sentiasa mengikut landasan yang betul dan melahirkan penulisan yang dianggap sebagai suatu ibadah yang mulia.

Fasal ke-14 menyatakan perihal memelihara anak. Pemulaan isi fasal ini telah dikemukakan sabda Nabi yang bermaksud:

Apabila budak itu sampai tujuh hari umurnya harus bapanya membuat aqiqah ertinya menjamu orang dan dicukur rambut budak itu dan apabila sampai pada enam tahun harus bapanya mengajarkan adab padanya. Apabila sampai pada tujuh tahun, tempat tidurnya harus diasingkan. Apabila pada 13 tahun, paksanya dia kepada sembahyang ia. Jikalau meninggalkan sembahyang dipalu padanya. Apabila sampai 16 tahun hendaklah

diberikan bini padanya. Maka kemudian daripada itu hendaklah pegang tangannya oleh bapanya dan serta katanya,

*"Hai anakku, sudah aku peliharakan kamu dan mengajarkan padamu daripada adab dan ilmu dan kuberikan bini pada mu. Maka, lepaslah aku daripada hak engkau dan berlindunglah aku kepada Allah wa taala daripada segala kejahatan engkau dalam dunia ini dan daripada siksa engkau dalam akhirat".*

(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 146)

Hal ini demikian jelas menunjukkan bahawa kitab ini banyak mengeluarkan sabda-sabda Nabi yang menjadi ikutan dan pengajaran kepada masyarakat. Kitab ini memberi maklumat kepada masyarakat bagaimana untuk mendidik anak-anak dengan menggunakan garis panduan yang betul dan tepat berdasarkan ajaran agama Islam. Ajaran ini dilihat bukan sahaja pada peringkat anak-anak itu kecil bahkan hingga peringkat dewasa kelak. Diceritakan dalam fasal ini oleh penulis beberapa hak yang perlu diketahui oleh ibu dan bapa iaitu hak ketika anak-anak itu bayi, kanak-kanak, remaja dan dewasa. Karya ini merujuk dalam kitab *Adab al-Walid* iaitu:

*Segala budak itu daripada suci jua daripada segala kejahatannya itu, maka menurut akan ibu bapanya. Jika mereka itu baik perinya, nescaya anaknya pun baik jua dan jikalau mereka itu jahat perinya, nescaya itu pun jahat jua dari kerana adalah budak itu pertamanya seperti suatu cermin yang suci jua adanya barang yang dihadapnya itu jua kelihatan daripadanya.*

(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 148)

Fasal ke-16 juga jelas menunjukkan usaha penulis dalam mentauhidkan Allah dan bertujuan untuk memupuk pembaca beribadah kepada Allah berdasarkan firman-Nya yang bererti:

*"Kau takut olehmu akan Allah hai segala orang yang berbudi"*

(Surah al-Maidah:100)

Hal ini demikian merujuk kepada orang berbudi atau melakukan amal kebaikan yang harus tunduk kepada Allah dan jangan pula bermegah-megahan dengan budi yang dicurahkan. Menurut karya ini lagi yang merujuk kitab *Sifat al-Akal* dikatakan terdapat perbezaan



antara orang yang berbudi dengan orang yang tidak berbudi. Hal ini demikian dilihat berdasarkan tujuh tanda iaitu membalas kebaikan walaupun diberikan keburukan, merendahkan diri dalam berbudi, berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan amal kebaikan, benci kepada amalan yang keji, sentiasa menyebut nama Allah dan sentiasa mohon keampunan, tidak zalim, dan yang terakhir, menyerah diri kepada Allah atau bertawakal kepada Allah dalam setiap urusan yang telah diusahakan.

Fasal ke-24 iaitu yang terakhir, penulis memberikan empat pesanan kepada para pembaca iaitu pertama ditujukan kepada raja-raja yang mukmin dan adil. Kedua kepada segala hulubalang dan hamba raja. Ketiga kepada rakyat yang budiman dan beriman. Keempat orang yang menurunkan kitab ini. Pesanan yang pertama disampaikan seperti berikut:

*Adapun pesan yang pertama iaitu akan segala raja-raja itulah bahawa barang siapa daripada segala raja-raja itu yang ada mendapat kitab ini hendaklah dimuliakan dan mengetahui dia bahawa kitab ini tanda kurnia Allah Ta'ala padanya akan kebajikan dan akhirat kerana diceritakan dalam kitab hadis sabda Nabi Muhammad SAW iaitu:*

*"Barang siapa yang mendapatkan teman yang saleh bahawa mengingatkan dia pada segala kebajikan dan menegahkan dia daripada segala kejahatan teman itulah kurniaan Allah Ta'ala padanya. Maka hendaklah dimuliakan dan memelihara dan mengasih teman itu dan harus mengucapkan syukur akan tuhan yang menganugerahkan padanya teman yang baik dan sahabat yang saleh."*

*(Taj us-Salatin, Edisi Pelajar, hlm. 214)*

Teman yang dirujuk oleh penulis ialah karyanya *Taj us-Salatin* kerana karya ini kaya dengan nasihat yang memberikan manfaat serta menggalakkan pembaca berbuat baik dan menjauhi perkara mungkar. Hal ini selari dengan tuntutan Islam dan selari dengan prinsip kesempurnaan berbahasa yang ke-3. Fasal terakhir ini menyentuh keseluruhan ibadah dan amalan yang perlu dipatuhi oleh pembaca sejak bangun daripada tidur hinggalah kembali untuk tidur semula. Dinyatakan tentang solat, zikir dan tasbih, membaca al-Quran yang dilakukan demi mengingati Allah dan menjadi hamba yang mulia pada pandangan-Nya. Raja seharusnya menepati aspek-aspek ini supaya kerajaan yang diperintah diberkati oleh Allah dan rakyat di bawahnya mendapat naungan yang sepatutnya. Contohnya dalam ayat berikut:

*Apabila yang demikian peri dan pekerti raja itu dalam kerajaannya nescaya terbukalah padanya pintu kebajikan dan lepaslah ia daripada segala kejahatan insya-Allah Ta'ala.*

(*Taj us-Salatin*, Edisi Pelajar, hlm. 217)

Pesanan ke-2 yang ditujukan kepada segala hulubalang dan hamba raja di mana golongan ini seharusnya membaca kitab ini supaya mereka mengenal dirinya dan mengenal tuhan. Setelah itu disuruhnya pula kaum kerabat serta cucu cicitnya membaca kitab ini yang kaya dengan pengajaran dan ilmu. Karya ini sememangnya bermanfaat dan menyempurnakan akhlak orang ramai. Kitab yang tidak bermanfaat sebaiknya dielakkan untuk dibaca kerana hal tersebut menggalakkan pembaca itu mendapat dosa. Semua rakyat diseru untuk mengasihi rajanya dan mendoakan untuk kebaikan rajanya seandainya raja tersebut memenuhi kehendak agama terlebih dahulu. Hal ini demikian dinyatakan seperti:

*Jika dilihat mereka itu rajanya baik jua kelakuannya dan perinya dan mukmin dan adil dan afil memelihara segala rakyat dan mengasihi segala mereka itu, maka haruslah segala rakyat itu sentiasa minta doa yang khair kerana rajanya itu supaya bertambah-tambah segala kebajikan rajanya dan terlanjut umurnya dan bertambah-tambah daulatnya dan hendaklah segera rakyatnya mengucapkan syukur akan Tuhan seru sekalian alam yang mengurniaknya raja yang adil. Demikian akan memelihara adanya daripada segala kejahatan itu.*

(*Taj us-Salatin*, Edisi Pelajar, hlm. 219)

Hal ini demikian adalah sebaliknya sekiranya raja tersebut jahil, zalim dan tidak adil, maka dikatakan murka Allah itu akan tiba dan seharusnya mereka cepat-cepat bertaubat dan beristigfar dan memohon doa kepada Allah agar diampunkan segala dosa yang dilakukan. Jelaslah menunjukkan bahawa karya ini sememangnya suatu karya yang berusaha mentauhidkan masyarakat pembacanya dan menggalakkan manusia beribadat kepada Allah.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa karya Bukhari al-Jauhari melalui penulisannya dalam *Taj us-Salatin* ini memenuhi kehendak prinsip kesempurnaan



berbahasa yang telah termaktub dalam Teori Falsafah Bahasa itu sendiri. Hal ini membuktikan bahawa karya ini layak dianggap sebagai karya agung yang tersohor yang secara keseluruhannya banyak mengkritik dan memberi ilmu kepada para pemerintah. Karya ini menjadikan hadis dan al-Quran sebagai pegangan paling utama. Manusia yang mempunyai akal merupakan makhluk yang sangat istimewa di sisi Allah. Keistimewaan ini seharusnya digunakan sebaik mungkin oleh setiap manusia melalui akal fikiran yang dikurniakan tersebut.

Bahasa yang disampaikan oleh penulis atau penutur menjadi alat dan medium bagi menggalakkan manusia yang mendengar dan membaca itu berfikir secara kritikal. Hal ini demikian membantu dalam melahirkan insan yang bijak dan celik dalam berfikir dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya berlandaskan teras agama yang dipegang.

## **RUJUKAN**

- Bukhari Al-Jauhari, 1992. *Taj Us-Salatin*. Khalid M. Hussain. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Rujukan daripada <http://www.scribd.com/doc/5371951/Tajus-Salatin> pada 1 Mei 2012.
- Mohd Rashid Md. Idris, 2010. *Falsafah Pendidikan Bahasa*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Mohd Rashid Md. Idris, 2011. *Nilai Melayu dalam Pantun*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rashid Md. Idris, 2012. *Teori Falsafah Bahasa (Teori Rashid)*. Tanjung Malim Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yayasan Karyawan, 2005. *Pengenalan Konsep dan Gagasan Karya Agung*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Yayasan karyawan, 2013. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Karya Agung Melayu, 2013*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.